

MUDA-MUDI

Kelolaan DEWANI ABBAS

Berbasikal, main kanu, belajar masak, membantu di rumah orang-orang tua. Seribu satu macam kegiatan boleh diceburi oleh remaja untuk mengisi masa lapang dan menambah pengalaman. Pokoknya, asal mereka mahu.

MUDA-MUDI menemuramah beberapa orang remaja yang begitu aktif dalam kegiatan-kegiatan seperti ini. Tiga daripada mereka adalah penerima Anugerah Kejayaan Belia Nasional dan seorang lagi adalah pelajar yang sangat aktif dalam sukan laut.

KEGIATAN luar dan khidmat kemasyarakatan sudah menjadi sebahagian daripada hidup mereka. Tanpanya, mereka berasa seolah-olah hidup kurang memuaskan. Itulah yang mendorong beberapa orang remaja untuk melibatkan diri secara aktif dalam pelbagai kegiatan dan khidmat kemasyarakatan, meskipun sibuk dengan pelajaran di sekolah.

Mereka adalah di antara 112 belia yang telah dipilih untuk menerima Anugerah Kejayaan Belia Nasional (NYAA) baru-baru ini.

Antara mereka ialah Nor Hidayah Mohd Amin, 19 tahun, yang sangat aktif dalam Persatuan Pandu Puteri Singapura sejak usianya 11 tahun.

Beliau pernah menerima Anugerah Pandu Puteri Presiden dalam 1989 — pelajar wanita Melayu pertama yang menerimanya — daripada Presiden Wee Kim Wee.

“Saya sangat meminati bidang pandu puteri kerana ia mengajar kita tentang pembangunan diri dan bagaimana menghadapi cabaran,” kata Nor Hidayah, bekas penuntut Maktab Rendah Temasek, yang mendapat keputusan peperiksaan Sijil Am Pelajaran (GCE) peringkat ‘A’ tahun ini.

Untuk melayakkan diri mendapatkan NYAA itu, para remaja berkenaan perlu menunjukkan pelibatan aktif dalam empat bidang — kegiatan fizikal, khidmat kemasyarakatan, kemahiran dan ekspedisi/penerokaan.

Nor Hidayah telah menunjukkan kebolehannya bermain tenis dan juga kemahiran berdebat.

Di maktabnya beliau pernah terpilih sebagai pembahas terbaik.

Untuk bahagian penerokaan, beliau telah memilih maktabnya sendiri sebagai bahan.

Beliau meneroka segala tumbuh-tumbuhan dan binatang di kawasan maktabnya, buat profil para pelajar dan juga mengulas seni bina maktabnya.


Kemudian, ini semua difailkan.

“Projek itu membuat saya lebih menghargai maktab saya,” kata Nor Hidayah.

Extracted
from

‘Berita Harian’

May 1992



NOR HIDAYAH: Minat dalam bidang pandu puteri yang mengajar tentang pembangunan diri